

SEDAR tidak sedar Revolusi Industri 4.0 atau lebih dikenali sebagai revolusi digital telah banyak mengubah gaya hidup masyarakat dunia. Segalanya kini boleh dilakukan dengan hanya menekan butang 'klik' atau 'swipe'. Teknologi digital berkembang pesat dengan matlamat untuk memudahkan dan mempercepatkan setiap urusan, dan semua ini dihubungkan oleh satu medium komunikasi iaitu internet.

Transaksi perbankan kini dijalankan menggunakan telefon pintar ke arah membentuk komuniti tanpa wang (cashless community), di mana seseorang tidak perlu mengeluarkan wang tunai untuk menjalankan sesuatu transaksi.



TERKINI KAD EDISI ISTIMEWA 50 TAHUN AGROBANK

Anda berpeluang memenangi wang tunai bernilai **RM500.00** setiap hari*



#agrobank50tahun #limadekadsatutekad #debitcardspecialedition

AGROBANK TAWAR KAD DEBIT-I EDISI ISTIMEWA SEMPENA ULANG TAHUN JUBILEE EMAS

Agrobank juga mempunyai idea sama untuk memudahkan pelanggannya dan menggalakkan lebih ramai orang menggunakan kad debit untuk urusan perbankan di mana sahaja mereka berada. Agrobank memperkenalkan wajah baru kad debitnya, iaitu Kad Debit-i Edisi Istimewa. Agrobank ingin mengajak lebih ramai rakyat Malaysia untuk sama-sama mengambil kesempatan memiliki Kad Debit-i Edisi Istimewa tersebut sempena sambutan ulang tahun Jubli Emas ke-50 bank tahun ini dan tawaran ini bukan sahaja terhad kepada komuniti pertanian malah ditawarkan untuk semua.

Bagi menggalakkan lebih ramai memiliki Kad Debit-i Edisi Istimewa, Agrobank melancarkan kempen pemilikan Kad Debit-i Edisi Istimewa ini pada September lalu. Istimewanya, setiap hari pemohon ke-50 Kad Debit-i Edisi Istimewa akan membawa

pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM500.

Puan Khadijah Iskandar, Penanggung Tugas Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, berkata, tawaran memiliki Kad Debit-i Edisi Istimewa mempunyai ciri-ciri khas dan rekabentuk menarik khusus yang boleh didapati hanya sehingga akhir tahun ini.

"Matlamat kami melancarkan kempen ini ialah untuk memberi peluang kepada lebih ramai pelanggan Agrobank dan peminat koleksi barang terhad untuk memiliki kad debit istimewa ini yang direka khas sempena ulang tahun ke-50 bank ini."

"Ia akan menjadi satu lambang untuk memperingati 50 tahun penubuhan Agrobank dan peranannya dalam membangunkan industri pertanian negara," katanya.

Katanya, rakyat Malaysia mempunyai sehingga 31 Disember

tahun ini untuk mencuba nasib bagi memenangi wang tunai sebanyak RM500.

Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan lama dan baharu Agrobank di mana mereka hanya perlu memohon untuk mendapatkan Kad Debit-i Edisi Istimewa tersebut. Mengikut syarat penyertaan, setiap peserta kempen mestи mempunyai akaun yang aktif dengan bank dan harus menjadi pemohon Kad Debit-i Edisi Istimewa yang ke-50 pada hari yang dipohon. Sekiranya berjaya, pihak bank akan menghubungi peserta. Nama mereka juga akan dipaparkan sebagai pemenang hari berkenaan pada laman web rasmi Agrobank iaitu www.agrobank.com.my.

Selain daripada kempen pemilikan Kad Debit-i Edisi Istimewa ini, Agrobank turut menawarkan Kempen penggunaan Kad Debit-i secara online melalui VISA dan

Kempen penggunaan Kad Debit-i secara transaksi tanpa sentuh (contactless point) yang menawarkan pelbagai hadiah menarik bernilai RM76,600.00. Mereka yang berminat boleh terus ke cawangan Agrobank terdekat untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Agrobank adalah peneraju dalam pembiayaan pertanian dan perbankan berdasarkan nilai (VBI) di Malaysia. Ditubuhkan pada 1969, Agrobank terlibat secara aktif mencatatkan pertumbuhan dan pembangunan industri pertanian di Malaysia dengan menawarkan produk dan solusi kewangan yang patuh syariah merentasi pelbagai segmen pelanggan termasuk pelanggan korporat, komersial, konsumen, pembiayaan perdagangan dan pembiayaan mikro. Agrobank merupakan sebuah institusi perbankan Islam sepenuhnya sejak 1 Julai 2015.